

I0000027929

912



PP00002584

INSTITUT TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH

OKTOBER 1998

Adalah disyorkan bahawa Kajian Akhir ini yang disediakan

oleh

MARIANI AYU BINTI OMAR

bertajuk

KAJIAN SOSIAL MASYARAKAT PERUMAHAN BERKEPADATAN TINGGI
DI PERUMAHAN PANGSA SRI KELANTAN, SENTUL, KUALA LUMPUR.

Diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk
memperolehi Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah

Penyelia

Prof. Madya Wan Salleh Bin Hj Wan Ibrahim

Koordinator

Encik Mohd Yusoff Bin Ismail

Ketua Kursus :

Encik Hanafi Bin Ismail

**KAJIAN SOSIAL PERUMAHAN BERKEPADATAN TINGGI DI PERUMAHAN
PANGSA SRI KELANTAN, SENTUL, KUALA LUMPUR**

**OLEH :
MARIANI AYU BINTI OMAR**

**Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah
Fakulti Senibina, Perancangan Dan Ukur
Institut Teknologi Mara Shah Alam
Mei-Oktober 1998**

PENGHARGAAN

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Puji-pujian ke atas Nabi Junjungan Besar Muhamad S.A.W, para sahabat serta muslimin dan muslimat.

Terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Prof. Madya Wan Salleh Bin Hj. Wan Ibrahim, selaku penyelia Kajian Akhir yang banyak memberi panduan dan nasihat dalam menyediakan kajian akhir ini. Tidak lupa kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah yang turut membantu.

Penghargaan yang tidak terhingga buat Encik Mohd Noor Bin Abu Hassan selaku Pengurus Perumahan Pangsa Sri Kelantan, Cik Nor Azah Binti Ahmad selaku kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, kakitangan Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Jalan Cenderasari dan rakan-rakan seperjuangan.

Sekalung kasih buat Ibu dan Ayah, yang sentiasa memberikan dorongan dan semangat dalam meneruskan pengajian serta adik-adik yang saling memahami. Jasamu tetap di dalam ingatan. Tidak lupa juga kepada semua individu yang terlibat dalam kajian ini. Kerjasama kalian amatlah dihargai.

ABSTRAK

Kawasan perumahan pangsa kos rendah merupakan kawasan yang dapat menampung jumlah penduduk yang ramai dan merupakan tumpuan orang ramai. Oleh sebab menjadi tumpuan pelbagai pihak khususnya golongan yang berpendapatan rendah maka timbulah pelbagai situasi-situasi yang tidak menyenangkan seperti keselesaan dan keharmonian penduduk terjejas akibat daripada ruang fizikal yang sempit, kekurangan kemudahan awam serta sistem peyelenggaraan yang tidak memuaskan, aktiviti-aktiviti yang tidak bermoral seperti vandalisme, gangsterism, penagihan dadah, kecurian dan kebisingan yang akan menimbulkan kesan psikologi kepada penghuni perumahan pangsa kos rendah. Di samping itu, faktor ruang fizikal yang terpaksa dikongsi bersama oleh penghuni dalam melakukan aktiviti harian terutama kawasan lapang atau tempat berekreasi menambah lagi tekanan yang telah sedia ada. Oleh yang demikian, kajian terhadap sosial masyarakat perumahan pangsa ini dijalankan dan lokasi yang sesuai telah dipilih iaitu Perumahan Pangsa Sri Kelantan, Sentul, Kuala Lumpur. Dengan itu, satu pembentukan cadangan-cadangan terhadap sosial dan fizikal di kawasan perumahan pangsa kos rendah adalah perlu untuk memenuhi keperluan dan meningkatkan keselesaan masyarakat. Ini selaras dengan matlamat Dewan Badaraya Kuala Lumpur 'HIDUP SELESA DI RUMAH PANGSA'.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Senarai Kandungan	iii
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xiii
Senarai Foto	xiv
Senarai Lampiran	xv

KANDUNGAN

BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Kenyataan Masalah	2
1.2.1	Faktor Ruang Dalaman	3
1.2.2	Faktor Ruang Luaran	4
1.2.3	Faktor Kebisingan Dan Kebersihan Sekitar	5
1.3	Tujuan Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	7
1.6	Skop Kajian	7
1.7	Kawasan Kajian	8
1.8	Jadual Kerja Kajian Kajian Akhir	11

BAB 2 KAJIAN LATAR / TEORITIKAL

2.1	Pengenalan	12
2.2	Definisi Sosiologi	13
2.3	Sosialisasi	13

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Perumahan boleh didefinisikan sebagai tempat kediaman persendirian atau sebagai bangunan-bangunan yang dibina atau diubahsuai untuk kediaman atau tempat tidur. Ianya tidaklah termasuk hotel, motel atau sekolah berasrama.

Permintaan perumahan yang tinggi di kawasan bandar telah menyebabkan penawaran tanah di bandar terhad. Di mana, keluasan tanah yang terhad berbanding dengan kepadatan penduduk yang semakin meningkat telah menyebabkan ketumpatan penduduk di dalam seekor tanah turut meningkat dan keperluan untuk membeli rumah pula tidak dapat dipenuhi. Ini juga berpunca daripada harga tanah di bandar lebih mahal jika dibandingkan dengan tanah di luar bandar.

Akibat pertambahan penduduk yang pesat dan kekurangan tanah di bandar menyebabkan pembinaan perumahan berkepadatan tinggi khususnya pangsa sebagai satu alternatif yang paling berkesan bagi menampung permintaan penduduk. Dengan pembinaan perumahan pangsa, bilangan unit rumah akan bertambah tanpa menambah keluasan tanah yang sememangnya terhad, dapat mengurangkan tekanan ke atas tanah dan juga pembangunan ruang terutamanya di Kuala Lumpur.